



Pelajar tertekan tinggal di asrama

Soalan:
SAYA baru memasuki asrama penuh pada tahun ini dan berada di tingkatan satu. Saya amat bertuah kerana dipilih untuk meneruskan pelajaran di sekolah ini. Selepas masuk bulan kelima, emosi saya menjadi tidak stabil, kerap menyendiri dan selalu teringat rumah.

Mungkin ini kejutan budaya belajar di sini. Saya suka sekolah ini dan rakan-rakan, namun emosi saya tidak menentu. Ibu bapa selalu memberi motivasi dan sanggup berulang-alik menjengok saya setiap hujung minggu, tetapi keadaan saya masih tidak berubah dan amat sukar berpisah bila bertemu.


Dr, saya ingin bimbingan supaya dapat menerima hakikat belajar di asrama berbeza kalau belajar di rumah. Saya selesa di asrama tapi dalam masa yang sama amat rindukan suasana di rumah.

Rindu Rumah,
Selangor

Jawapan:
DR gembira adik seorang pelajar yang sudah tahu betapa pentingnya ilmu dan pendidikan dalam kehidupan adik. Tahniah kepada adik

kerana mempunyai ibu bapa yang menyayangi di mana setiap minggu akan menjengok adik. Tentu sekali seperti adik, ibu bapa inginkan adik berjaya dalam pelajaran dan kehidupan. Tinggal di asrama membolehkan proses pembelajaran berlaku dengan baik. Secara psikologi, pada umur adik, perpisahan secara fizikal dan emosi dengan keluarga disayangi memang bukan mudah. Perkara ini normal berlaku kepada pelajar-pelajar yang memasuki asrama yang terpaksa berpisah dengan keluarga mereka. Perkara ini berlaku jika hubungan yang terjalin antara adik dengan ibu bapa sebelum ke asrama adalah rapat.

Hubungan yang berbentuk ini menyebabkan perpisahan emosi dan fizikal (ketika adik



di asrama) menekan emosi adik. Penting bagi ibu bapa adik untuk memastikan bahawa hubungan yang dibina dengan adik tidak dipisahkan dengan

serta-merta.

Jalinan emosi masih wujud, cuma dipisahkan dengan jarak. Bagaimanapun, adik masih boleh berjumpa dengan keluar-

ga di hujung minggu apabila mereka melawat adik dan boleh menelefon mereka bila merasa rindu.

Selalunya di peringkat awal perpisahan adalah waktu yang sukar. Sebelum ini adik banyak bergantung kepada ibu bapa dalam urusan kehidupan seharian seperti melakukan kerja-kerja rumah.

Kini adik kena belajar berdikari dan keadaan di asrama tentu berbeza dengan di rumah. Perubahan berlaku dalam kehidupan adik sama ada dari segi keselesaan ataupun tanggungjawab yang perlu adik pikul. Itu bukan sesuatu yang mudah untuk dilakukan.

Perubahan ini jika berjaya dilalui membolehkan adik menjadi lebih matang dan

belajar menjadi individu yang berdaya tahan.

Secara psikologinya, jika adik dapat melalui saat-saat sukar ini dengan baik, adik dapat mengawal emosi yang stabil. Emosi yang stabil membolehkan adik menumpukan perhatian kepada pelajaran. Dalam usaha adik mengurangkan rindu kepada keluarga, penting bagi menyesuaikan diri adik dengan rakan-rakan di asrama melalui bekerjasama dan mudah akrab dengan mereka.

Bersifat aktif dengan menyertai kokurikulum boleh membantu mengalih perasaan kesunyian itu. Adik juga boleh berjumpa dengan cikgu-cikgu atau pegawai bimbingan dan kaunseling sekolah jika adik merasa tertekan.

Soalan:
SAYA kini sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang ijazah kejuruteraan di salah sebuah institusi pengajian tinggi. Saya gembira dengan pelajaran saya dan bercita-cita tinggi untuk menjadi seorang jurutera. Walaupun pengajiannya ada kala susah, tapi saya tetap berusaha kuat untuk lulus subjek yang diambil. Pensyarah pun banyak membantu saya memahami pelajaran.

Masalahnya sekarang, saya mempunyai teman lelaki yang tiga tahun lebih tua dari saya. Dia menghalang saya menyambung pelajaran kerana cemburu saya akan berkawan atau bercinta dengan orang lain. Dia boleh dianggap alim orangnya.

Saya tidak tahu kalau dia benar-benar seorang yang taat kepada ajaran agama atau hanya berpura-pura saja. Tapi kalau dilihat secara luaran memang segala tingkah lakunya menunjukkan dia ikhlas dalam beribadat. Saya tidak suka lelaki yang pandai berpura-pura. Nampak saja alim seperti ustaz tapi sebenarnya buruk

Teman lelaki cemburu buta

kelakuannya. Saya benci dengan lelaki seperti itu. Menurut teman lelaki, kalau saya ingin mencari akhirat, berkahwin dengannya adalah jawapan. Katanya lagi, kalau ingin kekayaan atau harta dunia, lupakan dia buat selama-lamanya.

Masalahnya sekarang, saya tidak tahu hendak buat keputusan antara sambung belajar atau berkahwin dengannya pada tahun depan. Saya sangat tertekan. Ini kerana saya merasakan masih terlalu muda untuk berkahwin, namun pada masa sama merasakan memang memerlukan bimbingan seorang lelaki yang baik.

Saya kurang didikan agama, jarang solat dan sebagainya. Saya ingin berubah menjadi wanita yang baik. Lagi pula saya pernah terlanjur dengan bekas teman lelaki.

Teman lelaki saya sekarang menerima saya seadanya dan ingin membentuk akhlak serta penguasaan agama. Niat dia terlalu murni. Manakala keluarga saya

pula tidak menyukainya menyebabkan saya tersepit antara melupakan lelaki baik sepertinya atau meneruskan pengajian dengan dengan akhlak yang buruk.

Saya takut untuk berterusterang dengan keluarga mengenai hasratnya itu kerana keluarga saya hanya mementingkan harta dunia semata-mata.

Gadis ternoda dan kurang agama, Pulau Pinang

Jawapan:
Situasi adik boleh diibaratkan seperti bidalan 'diluah mati emak, ditelan mati bapa'. Adik tersepit di antara kekasih, pelajaran dan keinginan keluarga. Adik sangat sayangkan kekasih dan tidak mahu melupakan dia. Pada waktu sama adik ingin meneruskan pengajian.

Adik bertuah dapat bertemu dengan lelaki yang baik, boleh dikatakan warak, mencintai adik dan dapat menerima adik seadanya (termasuk diri

yang sudah ternoda). Ciri-ciri lelaki sebegini tentunya idaman wanita. Dr tidak hairan mengapa adik tidak mahu kehilangannya.

Cinta itu pengorbanan. Justeru, mengapa pula kekasih adik meletakkan syarat dalam perhubungan percintaan ini. Jika kekasih benar-benar mencintai adik, dia perlu berkorban dan membantu orang yang disayangi dalam melakukan kebaikan dalam kehidupan iaitu melanjutkan pelajaran.

Menuntut ilmu sangat dituntut. Islam adalah agama yang mementingkan kehidupan duniawi dan ukhrawi. "Tuntutlah ilmu, tapi tidak melupakan ibadat, dan kerjakanlah ibadat tetapi tidak boleh melupakan ilmu" (Hasan Basri)

Menuntut ilmu dalam bidang yang adik hendak ikuti (bidang kejuruteraan) bukanlah bererti mengejar harta dunia semata-mata. Ia juga satu bentuk amal ibadat. Ada hadis mengatakan menuntut ilmu itu suatu kewajiban bagi orang Muslim, lelaki dan perempuan.

Mengenai diri adik yang kurang didikan agama seperti jarang solat, Dr gembira adik inginkan perubahan untuk menjadi wanita yang taat kepada suruhan agama. Perubahan adik perlu ikhlas. Ia bukanlah semata-mata dilakukan kerana kekasih adik tetapi perubahan itu kerana Allah. Jika kekasih adik benar-benar ikhlas dalam percintaan, dia akan membimbing adik untuk menjadi wanita solehah.

Mengenai lelaki berpura-pura saja alim tapi sebenarnya sangat buruk kelakuannya, ia boleh berlaku kepada seselapa saja. Tanpa mengira jawatan lelaki itu. Kebetulan yang ada temui adalah 'ustaz'.

Tingkah laku seorang "ustaz" yang adik jumpa itu tidak menggambarkan secara keseluruhan peribadi 'ustaz' lain yang begitu banyak jasanya dalam memberi bimbingan agama. Dr sangat menghormati pekerjaan murni 'ustaz' yang menyeru manusia ke jalan yang diredhai Allah. Berdakwah ke jalan Allah adalah amat dituntut. Dr harap adik tidak mempunyai persepsi buruk kepada pekerjaan ustaz hanya kerana tingkah laku seorang

'ustaz' yang pernah adik jumpa.

Mengenai keluarga adik pula, tentunya mereka inginkan yang terbaik untuk anak mereka. Jika adik boleh buktikan boleh berjaya dalam pelajaran, tentunya jalan memujuk keluarga untuk menerima kekasih adik akan menjadi lebih mudah. Doakan juga agar keluarga adik akan terbuka hati untuk tidak lagi hanya mementingkan harta dunia semata-mata.

Mengenai niat untuk berkahwin dengan kekasih adik, jodoh maut ditentukan Tuhan. Kalau ada jodoh, akan bertemu jua. Bak kata pepatah "Asam di darat ikan di laut, dalam belanga bertemu jua". Adik boleh berbincang dengan kekasih dan jelaskan bahawa bimbingan agamanya sangat penting dalam hidup adik.

Pada waktu yang sama, jelaskan adik memerlukan sokongannya untuk berjaya di dalam pelajaran. Lelaki yang ikhlas dalam perhubungan akan cuba memudahkan perjalanan hidup cintanya, bukan menambatkan lagi tekanan. Sama-sama kita doakan Allah memudahkan perjalanan hidup adik.